

**WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Bil. S 78**

**PERINTAH PENCEN CARUMAN TAMBAHAN, 2010  
(S 38/10)**

**PERINTAH PENCEN CARUMAN TAMBAHAN  
(BUKAN PEKERJA), 2010**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran.
2. Orang yang diisyiharkan sebagai bukan pekerja.

**JADUAL**

---

**PERINTAH PENCEN CARUMAN TAMBAHAN, 2010  
(S 38/10)**

**PERINTAH PENCEN CARUMAN TAMBAHAN (BUKAN PEKERJA), 2010**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 2(1) dari Perintah Pencen Caruman Tambahan, 2010, maka Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pencen Caruman Tambahan (Bukan Pekerja), 2010.

**Orang yang diisyiharkan sebagai bukan pekerja.**

2. Orang atau golongan orang yang dinyatakan dalam Jadual adalah dengan ini diisyiharkan sebagai bukan pekerja atau pekerja-pekerja bagi maksud-maksud Perintah ini.

**JADUAL**

1. Pegawai kerajaan yang diambil bekerja dalam jawatan berpencen.
2. Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang diambil bekerja dalam jawatan berpencen.
3. Anggota Pasukan Polis Diraja Brunei yang diambil bekerja dalam jawatan berpencen.
4. Pegawai penjara yang diambil bekerja dalam jawatan berpencen.
5. Mana-mana orang yang menerima suatu pencen bulanan menurut peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang yang mengawal pemberian pencen tersebut atas perkhidmatan sebagai seorang pegawai kerajaan, seorang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, seorang anggota Pasukan Polis Diraja Brunei atau seorang pegawai penjara.

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

Bertarikh pada hari ini 12 haribulan Ramadhan, Tahun Hijrah 1431 bersamaan dengan 23 haribulan Ogos, 2010.

**AWANG HAJI MOHD. ROSELAN BIN HAJI MOHD. DAUD**  
Setiausaha Tetap,  
Kementerian Kewangan,  
Negara Brunei Darussalam.